



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18-24 JULAI 2019**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Selangor Kini**

- |   |    |
|---|----|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- 119 PBT capai 4 bintang</li><li>- 'Smart Sinki' mudahkan pelanggan MPAJ</li></ul> | 18 |
|---|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 - 24 JULAI 2019**

Akhbar	Selangor Kini
Tajuk Berita	119 PBT capai empat bintang
Muka Surat	18

Penilaian tahun lepas

# 119 PBT capai empat bintang

SELANGOR - KINI ms: 19 18 - 24/07/19

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 119 daripada 151 pihak berkusahaan tempatan (PBT) telah mencapai penarafan empat bintang dan ke atas menerusi penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan (SPB-PBT) yang dijalankan di seluruh negara tahun lepas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, daripada 331 indikator sedia ada yang digunakan pakai dalam SPB-PBT, 50 indikator penilaian adalah selari dengan 17 matlamat yang digaris dalam "Sustainable Development Goal" (SDG) 2030.

"Pencapaian PBT seluruh negara

melalui indikator penilaian SPB-PBT yang selari dengan SDG antara-pai penarafan empat bintang dan ke atas menerusi penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan (SPB-PBT) yang dijalankan di seluruh negara tahun lepas.

Beliau menjawab soalan Sivakumar Varatharaja Naidu (PH-Batu Gajah) yang ingin tahu apakah usaha penambahbaikan kementerian untuk memastikan PBT di seluruh negara mencapai piawaian perkhidmatan antarabangsa.

Raja Kamarul Bahrin Shah ber-

batakan kerajaan Tempatan juga telah membentuk beberapa Garis Panduan (GP) untuk diguna pakai PBT antaranya GP penggredan premis makanan, GP pengurusan pasar dan GP pusat penyembelihan ayam bagi memastikan kawasan seliaan PBT bebas daripada penyakit dan pencemaran.

Dalam pada itu, Raja Kamarul Bahrin berkata, sehingga Jun tahun ini, 7,162 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki dan telah dijual kepada pemohon yang layak sementara baki 715 unit rumah lagi masih dalam peringkat pengisian dan proses permohonan pinjaman perumahan.

-BERNAMA

## Yakin kuasai SUKANUN, SUKSES



**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meluangkan keyakinan untuk menjadi juara keseluruhan Kejohanan Sukan Badan Berkulan (SUKANUN) 2019 yang bakal membuka tirai, pada 19 Julai ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bakar berkata, sasaran itu diletakkan selepas pihaknya berjaya meraih gelaran naib juara dengan merangkul tiga emas dan tiga gangsa membabik-pungutan 73 mata, pada edisi terdahulu.

Katanya, MBPJ juga optimis mampu mempertahankan pingat emas diraih sebelum ini, sekali gus menambahkan koleksi kilauan pingat emas bagi lain-lain acara yang disertai.

Berdasarkan kepada persapan, latihan dan kemudahan diberikan saya percaya kita mampu mewujudkan sasaran berkenaan.

"Kecemerlangan bukan mudah untuk dikehati tetapi kezahaman untuk berjaya perlu membawa dalam jiwa setiap atlet," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelepasan Bendera Kejohanan SUKANUN dan Sukan Selangor (SUKSES) 2019 di Kompleks Sukan Arena, Jalan Selangor di sini, pada 16 Julai lalu.

Sementara itu, Mohd Sayuthi berkata, bagi kejohanan SUKSES, Majlis Sukan Daerah (MSD) Petaling menyasarkan untuk mempertahankan kejuaraan yang dimenangi sejak sukan itu diperkenalkan lagi.

"Di kejohanan SUKSES ke-12 lalu, kontinjen MSD Petaling menjadi juara dengan meraih 45 pingat emas, 25 pingat perak dan 39 pingat gangsa meninggalkan kontingen Klang serta Hulu Langat.

"Saya berharap sasaran pingat ditetapkan dapat dicapai di ke-

dua-dua kejohanan ini, khususnya mengekalkan pingat emas yang kita menangi di kejohanan lalu," katanya.

Seramai 250 orang termasuk atlet, urusetia dan pegawai Pihak Berkusa Tempatan terbabit akan dilihat dalam kejohanan dwitahunan yang menyaksikan Universiti Teknologi Mara (UITM) selaku tuan rumah.

Sebanyak 17 acara sukan dari-pada jumlah keseluruhan 22 acara dipertandingkan akan disertai barisan atlet MBPJ antaranya bola sepak, bola jaring, badminton, tennis, golf, catur dan bola tampar.

Acara lain termasuk tenpin boling, futsal, dart berpasukan, karom, sepak takraw, golf VIP dan olahraga.

SUKANUN dijadual berlangsung mulai 19 hingga 26 Julai, manakala SUKSES membabitkan dua sesi iaitu sesi pertama (22-25 Julai) dan sesi kedua (5-10 Ogos).



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
18 - 24 JULAI 2019

Akhbar	Selangor Kini
Tajuk Berita	'Smart Sink' mudahkan pelanggan MPAJ
Muka Surat	18



## 'Smart Sink' mudahkan pelanggan MPAJ

SELANGOR KINI MS. F 18 - 24 JULAI 2019

**AMPANG** – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melalui Jabatan Bangunan dan Senibina mewujudkan sebuah sinki mudah alih yang dijenamakan sebagai 'Smart Sink'.

Jurucakap Unit Komunikasi Korporatnya memaklumkan, produk inovasi itu dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada pelanggan.

"Sinki mudah alih ini menggu-

nakan elemen reka bentuk yang unik dan elegan di samping pelbagai fungsi bagi memudahkan pengguna.

"Sinki ini mudah digunakan dan diselenggara kerana bekalan air dan air tapisan tidak melimpah keluar selain menjaga kebersihan persekitaran," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, katanya, 'Smart Sink' turut menyediakan tempat men-

cuci tangan, bekas tisu, bekas sabun dan tong sampah hanya dalam sebuah sinki.

"Petunjuk paras air elektronik disediakan untuk menentukan kedudukan paras air semasa.

"Perkhidmatan ini sangat sesuai untuk digunakan semasa program luar seperti kendara saji, majlis perkahwinan, rumah orang-orang tua dan salun," katanya.

